

**TUNTUTAN BRUNEI KE ATAS LIMBANG:  
ISU PERSEMPADANAN DAN  
KEDAULATAN MALAYSIA**

**FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT SCHEME (FRGS)  
INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM**

**MAT ZIN MAT KIB  
NIK ANUAR NIK MAHMUD  
NONI HARIANTI JUNAIDI  
RAHMAT MOHAMAD**

**JANUARI 2010**

## KANDUNGAN

Penghargaan	i	
Pendahuluan	iii	
Sinopsis/ <i>Synopsis</i>	v	
Bab 1	Latar Belakang Kajian	1
Bab 2	Isu Limbang Dalam Hubungan Britain dan Brunei, 1890-1963	10
Bab 3	Dokumen Pilihan Tentang Isu Limbang: Satu Catatan Sejarah	33
Bab 4	Rumusan dan Cadangan	99
Rujukan	101	
Senarai Lampiran	102	
Lampiran		

## PENGHARGAAN

Kami memanjang kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah dan inayah-Nya yang telah member kesabaran, kekuatan tenaga, minda dan emosi kami menyiapkan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini dapat disiapkan dengan sempurna. Pertama-pertama kami mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Kampus UiTM Sabah Kampus Kota Kinabalu, Timbalan Pengarah Kampus Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Sabah Kampus Kota Kinabalu, Koordinator Unit Pengurusan Penyelidikan UiTM Sabah Kampus Kota Kinabalu yang memahami dengan karenah dan masalah kami dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Prof. Dr. Azni Zain Ahmed, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) Institut Pengurusan Penyelidikan UiTM (yang kemudiannya diambil alih oleh Prof. Dr. Abu Bakar Abdul Majeed) dan kakitangan Institut tersebut.

Terima kasih juga kami tujukan kepada Penolong Bendahari Kanan UiTM Sabah dan kakitangannya yang telah memudahkan kami mendapat menggunakan dana Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) yang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Institut Pengurusan Penyelidikan UiTM.

## PENDAHULUAN

Malaysia juga telah melalui urusan pertikaian sempadan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa sebanyak dua kali, iaitu pertikaian Pulau Sipadan-Pulau Ligitan antara Malaysia-Indonesia dan Pulau Batu Putih antara Malaysia-Singapura. Kini Malaysia sedang berhadapan dengan pertikaian sempadan lagi, iaitu dengan Pulau Layang-Layang dan Spratly, tuntutan Filipina terhadap Borneo Utara (sekarang Sabah) dan Limbang oleh Sultan Brunei. Pengalaman pembicaraan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa menunjukkan bahawa dokumen menjadi bahan bukti dan ini menunjukkan bahawa penyelidikan kualitatif dan pendekatan sejarah adalah penting dalam urusan meñegakkan kedaulatan dan maruah negara.

Pertikaian sempadan Malaysia-Brunei ke atas Limbang, adalah susuk baru dalam sejarah pertikaian sempadan yang akan memberi kesan terhadap hubungan diplomatik. Limbang satu kawasan darat yang subur dan kawasan maritimnya kaya dengan sumber asli, khususnya minyak, asalnya adalah sebahagian daripada jajahan Brunei. Penyelidikan *Tuntutan Brunei Ke Atas Limbang: Isu Persempadanan dan Kedaulatan Malaysia* besar signifikannya kepada persoalan kedaulatan, khususnya dalam penyelesaian isu pertikaian sempadan yang dihadapi oleh Malaysia.

Laporan Penyelidikan ini disajikan dalam empat bab. Bab 1 membincangkan tentang kepentingan penyelidikan *Tuntutan Brunei Ke Atas Limbang: Isu Persempadanan dan Kedaulatan Malaysia*. Bab 2 pula membincang isu Limbang. Dalam bab ini penyelidikan membincangkan hubungan Britain dan Brunei bagi tempoh 1890-1963. Dalam Bab 3 pula, para penyelidikan menganalisa isu Limbang berdasar 36 dokumen yang kami peroleh dari The National Archives, Kew, Surrey, TW9 4DU, United Kingdom, Arkib Negeri Sarawak, Kuching, Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Dokumen-Dokumen ini

juga disertakan dalam bab ini manakala dalam Bab 4, rumusan dan cadangan telah dibuat. Memandangkan penyelidikan ini adalah penyelidikan *fundamental*, para penyelidik mencadangkan agar penyelidikan terhadap Limbang ini dibuat secara mendalam lagi sebagai satu persediaan untuk Malaysia sekiranya pertikaian terhadap Limbang akan diselesaikan melalui perundangan nanti.

Para penyelidik berjaya mendokumentasikan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan isu Limbang ini, iaitu dengan melampirkan 117 dokumen dalam bentuk surat, minit mesyuarat, telegram dan sebagaimananya seperti yang tercatat/tersenarai dalam Bab 3 dan juga dalam Lampiran. Daripada dokumen-dokumen tersebut adalah sah bahawa Brunei tidak mempunyai hak ke atas Limbang.

Prof. Madya Mat Zin Mat Kib

Ketua Penyelidik FRGS

*Tuntutan Brunei Ke Atas Limbang:*

*Isu Persempadan dan Kedaulatan Malaysia*

Januari 2010